



## KENYATAAN MEDIA

### PENYERAHAN NOTIS DAN PEMERIKSAAN KILANG DI SEKITAR KAWASAN SUNGAI GONG RAWANG.

MPS pada hari ini telah menjalankan satu operasi pemeriksaan operasi kilang di kawasan sekitar Sungai Gong, Rawang yang disyaki menjadi punca kepada kes pencemaran air yang berlaku pada minggu lepas. Pemeriksaan secara bersepadu pada hari ini melibatkan Jabatan Pengurusan dan Keselamatan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bangunan MPS. Turut serta pada operasi ini adalah wakil dari Pejabat Daerah dan Tanah Gombak serta Jabatan Alam Sekitar.

Pada operasi yang bermula pada jam 9 pagi ini, sebanyak 15 buah kilang telah diperiksa untuk memastikan setiap kilang beroperasi dengan sah dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPS dan agensi yang berkaitan. Hasil pemeriksaan, MPS telah mengeluarkan Notis Pematuhan Syarat Lesen Premis Perniagaan MPS 2020 ke atas 5 buah kilang dimana 4 kilang telah dikenakan tindakan ditarik lesen semula kerana menjalankan aktiviti tambahan tanpa kebenaran dan 1 pejabat urusan perniagaan telah didapati beroperasi tanpa lesen. Kesemua tindakan dibuat dibawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Industri (MPS) 2007.

Pada operasi yang sama, pihak MPS telah ke kilang penyelenggaraan jentera di kawasan sama yang disyaki menjadi punca pencemaran air di kawasan tersebut untuk penyerahan notis dibawah Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan membina bangunan tanpa kebenaran. Pihak syarikat diberi tempoh 3 hari untuk mengemukakan dokumen berkaitan kepada MPS sebelum tindakan roboh dilaksanakan.

Selain itu, pihak PDT Gombak juga telah menyerahkan Borang 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) atas kesalahan melanggar syarat guna tanah.

Akhir sekali MPS ingin mengingatkan kepada semua pengusaha perniagaan agar memastikan agar mereka membuat permohonan kepada pihak MPS selain mematuhi syarat-syarat dari agensi kerajaan berkaitan sebelum memulakan perniagaan. Pihak MPS juga akan lebih aggressif dan membuat pemantauan berterusan dan mengambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada terhadap pihak yang tidak yang gagal untuk berbuat demikian.

Dikeluarkan oleh :

**MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.**

Pengarah

Jabatan Korporat

b/p Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 7 September 2020